

20 MAY 2001

MIC-Resolusi

MIC MAHU KUOTA 10 PERATUS PELAJAR INDIA DI UNIVERSITI TEMPATAN

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Perwakilan ke perhimpunan agung ke-55 MIC hari ini sebulat suara mempersetujui resolusi 12 perkara, antaranya meminta Kementerian Pendidikan memperuntukkan kuota 10 peratus bagi pelajar India di universiti tempatan.

Ia bertujuan bagi membolehkan masyarakat India maju selari dengan kaum-kaum lain ke arah kedudukan ekonomi yang saksama.

"Pelaksanaan sistem kuota sekarang tidak meningkatkan penyertaan pelajar India di univeristi awam tempatan," demikian menurut resolusi itu, bagaimanapun, resolusi itu tidak menyatakan kuota yang digunakan sekarang.

Kementerian Pendidikan juga diminta untuk meningkatkan pengambilan pelajar cemerlang India ke dalam program ijazah lepasan SPM dan bagi mengelakkan sikap negatif terhadap Barisan Nasional.

Perhimpunan dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Satu lagi resolusi meminta kementerian itu memberikan bantuan penuh kepada semua sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SRJK) tanpa mengira pemilik tapak sekolah tersebut.

Resolusi berkaitan ekonomi, perwakilan mahukan kerajaan menubuhkan dana saham amanah serupa dengan yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB), diuruskan oleh sama ada kerajaan atau PNB bagi memastikan matlamat 3 peratus ekuiti masyarakat India dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.

Resolusi itu menyatakan peningkatan pegangan saham masyarakat India dari 0.5 peratus kepada 1.5 peratus, sejak 30 tahun lepas adalah terlalu kecil berbanding pegangan saham masyarakat Bumiputera dan Cina.

Resolusi itu mengalu-alukan jaminan kerajaan bahawa langkah-langkah akan diambil di bawah Rancangan Malaysia kelapan untuk menambah pegangan saham masyarakat India menjelang 2010, dan kajian akan dijalankan bagi merumuskan strategi bagi menambah penyertaan masyarakat India dalam ekonomi.

Perhimpunan itu juga meminta Kementerian Sumber Manusia melaksanakan lima strategi bagi menambah pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup pekerja estet.

Lima dasar tersebut:

- untuk mengambil langkah tegas melaksanakan skim pemilikan rumah bagi pekerja lombong;

- memastikan pekerja estet membekalkan tenaga elektrik, air paip, jalan dan kemudahan asas yang lain;

- mendapatkan kerjasama kerajaan negeri agar tidak meluluskan pertukaran status tanah estet bagi perumahan dan tujuan lain kecuali cadangan pembangunan itu telah memasukkan peruntukan bagi perumahan alternatif pekerja terbabit dan penempatan semula sekolah dan kuil;

- memastikan pekerja terbabit menerima pampasan, mengekalkan pekerjaan atau mendapatkan pekerjaan baru dan bantuan pembiayaan bagi pembelian rumah kos rendah; dan

- melaksanakan Minimum Standard of Housing and Amenities Act 1999 yang memerlukan pengurusan memberikan minimum 250 meter persegi tanah bagi setiap pekerja.

Satu lagi resolusi meminta kerajaan mempercepatkan kajian dan pelaksanaan sistem gaji bulanan bagi pekerja ladang getah.

MIC mahukan kerajaan menubuhkan agensi pelaksana dan penyelaras bagi memastikan keberkesanan program sosio-ekonomi dan pembangunan semula

prasarana, terutamanya bagi membasmi kemiskinan di bandar dan masalah setingan.

Menyederaikan ketidakseimbangan Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan swasta, MIC meminta kerajaan untuk menubuhkan mekanisme pemantau bagi memastikan masyarakat India mendapat jumlah yang adil dalam sektor awam dan swasta.

Parti itu juga mahu Kementerian Pendidikan mengintegrasikan kelas bahasa ibunda (POL) dalam waktu sekolah, dan bagi sekolah menengah mengadakan kelas bahasa ibunda jika terdapat 15 pelajar India, tanpa memerlukan permohonan bertulis daripada ibu bapa pelajar.

Perhimpunan itu juga meminta kerajaan untuk memberikan peluang perniagaan kepada masyarakat India dalam industri kecil dan sederhana, dan mewujudkan lebih banyak peluang pinjaman, permit, lesen francais dan pembangunan vendor dan skim keusahawanan remaja bagi masyarakat itu.

Satu lagi resolusi ialah meminta Thaipusam dijadikan cuti umum kebangsaan di negara ini.

-- BERNAMA
SR ES HS RI